

04/10/2000

Pengiktirafan Dr Mahathir kemenangan bagi Gerakan

Mutazar Abd Ghani

PERSIDANGAN Perwakilan Nasional ke-29 Parti Gerakan Rakyat Malaysia (Gerakan) yang berakhir di Hotel Equatorial, Bayan Lepas, Pulau Pinang, baru-baru ini, berlangsung seperti biasa dan tiada kejutan besar, sama ada daripada pucuk pimpinan parti atau perwakilan.

Cuma, kalau boleh dikatakan `kejutan' ialah pengumuman Presiden Gerakan, Datuk Seri Dr Lim Keng Yaik, untuk `melepaskan jawatan' dalam kerajaan bagi memberi perhatian penuh terhadap tugas parti dan negara.

Dr Lim yang juga Menteri Perusahaan Utama antara lain memberi alasan berbuat demikian kerana mahu menumpukan kerja parti dan membantu kerajaan memberi penjelasan mengenai pelbagai isu yang timbul kebelakangan ini, khususnya membabitkan perpaduan rakyat.

Perbahasan ucapan Presiden dan usul agak `hangat' sedikit apabila kebanyakan perwakilan mengambil kesempatan melahirkan rasa kesal, sekali gus membidas tindakan dua bekas Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) Gerakan Pulau Pinang, yang keluar parti, tiga hari selepas pilihan raya umum tahun lalu.

Pelbagai label dilontarkan kepada kedua-dua Adun itu - Lim Boo Chang (Datuk Keramat) dan Lim Chien Aun (Bayan Lepas) seperti `menikam dari belakang', `musuh dalam selimut' dan `pengkhianat parti', yang semuanya menggambarkan kemarahan semua peringkat ahli Gerakan terhadap tindakan mereka.

Perwakilan menganggap tindakan tidak bertanggungjawab kedua-dua bekas Adun itu sebagai usaha mengganggu-gugat kepemimpinan Kerajaan Pulau Pinang yang diterajui Gerakan.

Boo Chang dan Chien Aun yang sebaik saja keluar Gerakan menggelar diri sebagai Adun Bebas Barisan Nasional (BN), kemudiannya diterima secara rasmi menganggotai MCA.

Apapun, persidangan di tanah kelahiran Gerakan itu sesungguhnya suatu `pengiktirafan' dan `kemenangan besar' kepada parti berkenaan keseluruhannya dan Kerajaan Pulau Pinang pimpinan Gerakan, khususnya.

Ini berikutan pengakuan terbuka Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, selaku Pengerusi BN, yang memberi jaminan Gerakan akan terus diberi kepercayaan menerajui Pulau Pinang atas dasar muafakat BN, walaupun parti itu mendapat sedikit kerusi pada masa akan datang.

Perakuan itu bersandarkan Pulau Pinang adalah pangkalan Gerakan yang utama sejak ditubuhkan dan mempunyai keahlian ramai, hingga negeri ini menjadi kubu terkuatnya.

Dari Pulau Pinang, Gerakan berkembang ke seluruh tanah air, khususnya ke pantai barat Semenanjung dan terus berpengaruh serta menjadi satu daripada komponen BN yang begitu teguh dan setia.

Menurut Perdana Menteri, dengan semangat kesetiaan dan setiakawan di kalangan anggota parti komponen BN, Gerakan terus diberi kepercayaan menerajui kerajaan negeri dan mempunyai Ketua Menteri yang mewakili parti itu.

Jika sekalipun bilangan kerusi Dewan Undangan Negeri (DUN) yang diperoleh Gerakan kecil sedikit daripada parti komponen lain, sama ada Umno atau MCA, tegas Dr Mahathir, teraju pemerintahan Pulau Pinang tetap diberikan kepada Gerakan.

"Walaupun Umno pernah menang 12 kerusi dan Gerakan hanya tujuh kerusi pada pilihan raya umum 1990, atas semangat BN, Gerakan tetap diberi peluang menerajui Pulau Pinang.

"Inilah semangat musyawarah yang ditunjukkan parti komponen BN. Kita cuba agih peranan parti komponen BN supaya semua mendapat tempat dan tidak ada parti ketinggalan," katanya sambil mengakui hakikat keadaan itu bukan mudah kerana ada jawatan yang amat diminati semua pihak, tetapi pastinya tidak dapat diberikan kepada semua.

Perakuan terbuka Perdana Menteri bahawa Pulau Pinang akan terus diterajui Gerakan dilihat pemerhati politik sebagai 'mesej' dan juga 'amaran' kepada pihak tertentu yang masih menyimpan hasrat untuk mengganggu-gugat kepemimpinan kerajaan negeri sedia ada.

Walaupun, Dr Mahathir sendiri sudah merestui Gerakan untuk terus memerintah Pulau Pinang selepas pilihan raya umum lalu, dengan mengekalkan Tan Sri Dr Koh Tsu Koon sebagai Ketua Menteri, masih ada pihak seolah-olah tidak dapat menerima hakikat itu.

Pihak terbabit melakukan pelbagai usaha, termasuk membantah pelantikan itu apabila semua Adun daripada parti berkenaan tidak menghadiri majlis angkat sumpah Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (Exco).

Selepas itu, terdengar pula cerita broker yang dikatakan berusaha 'memancing' dan 'membeli' Adun Gerakan, sekali gus membolehkan mereka mengambil alih kepemimpinan kerajaan negeri, berdasarkan kelebihan kerusi yang dimiliki.

Walaupun cerita itu dinafikan pihak terbabit, ia masih berlegar dari bibir ke bibir di kalangan kebanyakan masyarakat Cina di Pulau Pinang sehingga hari ini.

Sebenarnya usaha untuk mengambil alih kepemimpinan kerajaan negeri daripada Gerakan bermula sebaik berakhir pilihan raya umum lalu, berikutan tindakan keluar parti dua Adun Gerakan. Ia kemudian diikuti pelbagai tekanan lain seperti meminta jawatan Timbalan Ketua Menteri Kedua.

Namun, usaha pihak terbabit ketika itu tidak berjaya kerana Perdana Menteri terus memberi kepercayaan kepada Gerakan untuk menerajui kerajaan negeri.

Tindakan pihak terbabit juga dikatakan menjadi punca menyebabkan Pulau Pinang menjadi negeri terakhir membentuk kerajaan negeri selepas pilihan raya umum lalu.

Justeru, pemerhati politik sependapat, perakuan terbuka Dr Mahathir itu, selain memberi keyakinan kepada Gerakan untuk terus menerajui kerajaan negeri, turut memberi 'ingatan' terhadap pihak tertentu supaya tidak cuba mengganggu-gugat kepemimpinan sedia ada selepas ini.

Pemerhati politik juga menyifatkan pemilihan Pulau Mutiara sebagai tuan rumah persidangan kali ini iaitu selepas kali terakhir diadakan di sini, 11 tahun lalu, sebagai strategi halus. Ia juga tepat pada masanya oleh kepemimpinan Gerakan untuk mengembalikan sokongan serta keyakinan rakyat, terutama masyarakat Cina terhadap parti itu, khususnya di Pulau Pinang.

Jika persidangan kali ke-29 ini diadakan di luar Pulau Pinang, mungkin mesej yang disampaikan Perdana Menteri ketika merasmikan persidangan baru-baru ini, tidak meninggalkan kesan.

Selepas ini diharapkan tidak ada lagi pihak yang cuba membuat sesuatu sama ada secara langsung ataupun tidak, dengan niat untuk mengganggu kepemimpinan kerajaan negeri pimpinan Gerakan di Pulau Pinang. Ini kerana sebarang usaha ke arah itu boleh dianggap sebagai tidak menghormati 'pesanan' Dr Mahathir selaku Pengerusi BN.

Semua parti komponen seharusnya berpegang kepada semangat muafakat dan musyawarah yang diamalkan BN selama ini, sehingga menjadikan antara kerajaan parti campuran paling mantap dan berjaya di dunia.

Seperti kata Perdana Menteri, perpaduan dalam parti campuran negara lain tidak berjaya kerana berlaku perebutan tempat. Apabila ada pihak yang kecewa, maka ia akan keluar parti campuran dan akan runtuhlah kerajaan.

Tetapi, dalam BN walaupun ada rebutan tetapi kesederhanaan dan

kesanggupan bertolak ansur serta menerima kenyataan, membolehkannya terus bersatu padu dan mengekalkan kuasa.

Kita harap semua parti komponen BN akan bersikap demikian supaya Malaysia terus memiliki kerajaan yang kuat dan dapat menstabil serta memajukan negara.

Formula BN adalah jelas untuk kebaikan semua pihak, jika ia tidak diikuti dan disalah guna, sudah tentu akan menghancurkan kerajaan sedia ada.

(END)